

PANDUAN KUNJUNGAN KE RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM OLEH MASYARAKAT MUSLIM DI MALAYSIA: TINJAUAN PERSPEKTIF AKIDAH-PERBANDINGAN AGAMA, FIQH DAN UNDANG-UNDANG

GUIDELINES FOR MUSLIM VISITS TO NON-
MUSLIM PLACES OF WORSHIP IN MALAYSIA: A
REVIEW FROM THE PERSPECTIVES OF 'AQĪDAH-
COMPARATIVE RELIGION, FIQH AND LAW

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali^{*1}, *Shahidra Abdul
Khalil*^{**}, *Mohd Zaidi Daud*^{***}, *Mohd Khairul Naim Che
Nordin*^{*2}

^{*}Department of 'Aqidah & Islamic Thought. Academy of
Islamic Studies. Universiti Malaya. 50603. Kuala Lumpur.
Malaysia.

^{**}Department of Fiqh & Usul. Academy of Islamic
Studies. Universiti Malaya. 50603. Kuala Lumpur.
Malaysia.

^{***}Department of Syariah & Law. Academy of Islamic
Studies. Universiti Malaya. 50603. Kuala Lumpur.
Malaysia.

Corresponding author 1:

ijamh@um.edu.my

Corresponding author 2:

khairulnaim@um.edu.my

DOI:

[https://doi.org/10.22452/afkar
.vol27no1.12](https://doi.org/10.22452/afkar.vol27no1.12)

Abstract

The article examines the issue of Muslim visits to non-Muslim places of worship within the context of Malaysia's pluralistic society. While the academic discipline of Comparative Religion plays a significant role in promoting interfaith understanding, the implementation of such visits must be carefully scrutinized from various angles, including Islamic creed ('*aqidah*), religious study, jurisprudence (*fiqh*), legal considerations and local cultural sensitivities.

Article

History:

Acceptance
date: 10
January 2025
Available
Online: 30 June
2025

Funding:

This
research
received grant
from Universiti
Malaya Global
Transformation
Research Grant
Scheme
(UMGTRG005
-2024).

Competing

interest: The
author(s) have
declared that no
competing
interest exist.



©The authors (2025). This is an Open Access
article distributed under the terms of the Creative
Commons Attribution (CC BY NC)

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>)
which permits non-commercial reuse, distribution,
and reproduction in any medium, provided the
original work is properly cited.

The article underscores the importance of applying the principle of *sadd al-dharā'i*' (blocking the means to potential harm) to prevent doctrinal confusion and the risk of *tashabbuh* (imitation of non-Islamic religious rituals), particularly when visits involve members of the public or students who may lack adequate guidance. In this regard, the presence of qualified experts in 'aqidah, fiqh, and Comparative Religion is essential to ensure that Islamic legal boundaries are respected and that the intended message of harmony is conveyed accurately. Furthermore, the paper proposes clear guidelines for visits to churches, Hindu temples, Buddhist and Taoist temples and gurdwaras, as a preliminary step towards more cautious and structured implementation. It concludes by urging state religious authorities to take proactive measures by initiating dialogues with relevant stakeholders to develop a comprehensive framework that preserves the integrity of Islamic belief while fostering interfaith understanding and coexistence in Malaysia.

Keywords: Non-Muslim places of worship; Muslims; plural society; Malaysia; 'aqidah; fiqh; law.

Khulasah

Makalah ini membincangkan isu kunjungan masyarakat Muslim ke rumah ibadat bukan Islam dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Meskipun disiplin ilmu Perbandingan Agama menyediakan asas penting dalam memupuk persefahaman antara agama, pelaksanaan kunjungan ke rumah ibadat bukan Islam perlu diteliti dari pelbagai sudut, termasuk akidah, kajian agama, fiqh, undang-undang dan sensitiviti budaya tempatan. Makalah ini menegaskan pentingnya prinsip *sadd al-dharā'i*' dalam mengelakkan kekeliruan akidah dan potensi *tashabbuh*, khususnya apabila kunjungan melibatkan individu awam atau pelajar tanpa bimbingan pakar. Dalam konteks ini, kehadiran pengiring berautoriti dalam bidang akidah, fiqh dan perbandingan agama adalah kritikal bagi memastikan

batas hukum dipelihara dan mesej keharmonian disampaikan secara tepat. Selain itu, garis panduan khusus bagi kunjungan ke rumah ibadat seperti gereja, kuil Hindu, tokong Buddha dan Tao serta gurdwara dikemukakan sebagai langkah awal ke arah pelaksanaan yang lebih berhati-hati dan terarah. Makalah ini juga menyeru agar pihak berautoriti agama negeri-negeri mengambil langkah proaktif dengan mengadakan muzakarah bersama pelbagai pihak bagi merangka satu garis panduan komprehensif yang dapat menjamin pemeliharaan akidah umat Islam tanpa menjejaskan usaha memperkukuh keharmonian antara penganut pelbagai agama di Malaysia.

Kata kunci: rumah ibadat bukan Islam; Muslim; masyarakat majmuk; Malaysia; akidah; fiqh; undang-undang.

Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara yang memiliki keunikan tersendiri disebabkan oleh kepelbagaian etnik, agama dan tradisi dalam kalangan rakyatnya. Keunikan ini terserlah melalui keupayaan masyarakat majmuk di negara ini untuk hidup bersama secara harmoni, sambil mengekalkan identiti dan warisan budaya masing-masing. Namun begitu, realiti kemajmukan ini turut menghadirkan cabaran yang kompleks dari segi pengurusan identiti dan perpaduan sosial. Ia menuntut pendekatan yang seimbang antara pengiktirafan terhadap kepelbagaian dan pembinaan nilai bersama yang menjadi asas kepada integrasi nasional.

Antara cabaran utama yang dihadapi ialah bagaimana memastikan bahawa kepelbagaian budaya dan agama tidak menjadi faktor pemisah, sebaliknya dijadikan sebagai kekuatan untuk memperkukuhkan jati diri nasional. Dalam konteks ini, dasar-dasar negara seperti Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara memainkan peranan penting dalam membentuk wacana integrasi yang inklusif. Namun demikian, kewujudan polarisasi kaum, jurang ekonomi antara etnik,

serta kecenderungan politik identiti kadangkala menjejaskan usaha-usaha ke arah perpaduan yang lebih utuh. Oleh itu, integrasi nasional memerlukan bukan sahaja dasar yang menyeluruh, tetapi juga komitmen berterusan daripada semua pihak untuk membina kesalingfahaman, toleransi dan rasa saling menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia.

Usaha ini antaranya telah dilakukan oleh masyarakat beragama dan pertubuhan-pertubuhan agama melalui penganjuran dialog antara-agama dan antara-budaya, serta pendekatan praktikal seperti kunjungan ke rumah-rumah ibadat. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan membina jambatan kefahaman dan mengurangkan prasangka antara penganut agama yang berbeza. Namun begitu, pelaksanaannya kadangkala membawa implikasi tertentu. Pertama, terdapat kekeliruan dalam kalangan masyarakat yang menganggap usaha-usaha ini sebagai cubaan mencairkan elemen eksklusif dalam agama masing-masing. Kedua, terdapat juga pelaksanaan yang tidak disertai persediaan akademik dan pedagogi yang mencukupi, sekali gus menimbulkan kontroversi. Contohnya, dalam isu lawatan orang Islam ke rumah ibadat bukan Islam, terdapat reaksi negatif daripada segelintir pihak yang mempersoalkan tujuan program sedemikian, khususnya apabila ia melibatkan orang awam.

Dalam tradisi keilmuan Islam, perbincangan dan kajian mengenai agama-agama lain bukanlah sesuatu yang asing. Malah, ia telah lama menjadi sebahagian daripada usaha ilmiah untuk mempertahankan Islam daripada salah faham, penyelewengan, dan tuduhan yang dilemparkan oleh penganut agama lain. Perkembangan Ilmu Kalam, khususnya melalui kaedah perdebatan (*al-jadal*), memperlihatkan bagaimana sarjana Muslim menggunakan kekuatan logik dan hujah dalam berdialog dengan penganut agama lain, khususnya Kristian. Seiring perkembangan masa, pendekatan ini telah berkembang daripada bentuk perdebatan kepada bentuk ensiklopedik dan deskriptif,

yang menekankan pemerhatian dan dokumentasi terhadap ajaran dan amalan agama lain.

Pendekatan ini membuktikan bahawa kajian terhadap agama lain dalam tradisi Islam tidak semata-mata bertujuan mempertikaikan, tetapi juga untuk memahami secara teliti, agar dapat menjawab kekeliruan dengan berhemah dan berdasarkan fakta.¹ Dalam kerangka ini, kunjungan ke rumah ibadat bukan Islam menjadi salah satu kaedah lapangan yang sah dalam ilmu kajian agama, kerana ia membolehkan pemerhatian terus terhadap sistem kepercayaan yang dikaji. Walaupun begitu, pelaksanaan aktiviti ini perlu berasaskan panduan akidah, hukum syarak, dan etika interaksi yang ditetapkan oleh Islam.

Oleh itu, penulisan ini bertujuan menjelaskan secara ilmiah salah tanggapan terhadap ilmu kajian agama dan perbandingan agama, sekali gus menekankan bahawa apabila dilaksanakan secara berhati-hati dan berasaskan prinsip epistemologi Islam, ia mampu menjadi wahana kefahaman agama lain yang berkesan serta mendukung dakwah yang lebih bijaksana. Pendekatan ini juga memperlihatkan bahawa Islam menghargai ilmu dan hikmah dalam menangani kerencaman budaya dan agama secara adil, tegas dan penuh hikmah.

Kajian Agama Menurut Tradisi Keilmuan Islam

Al-Quran dengan sifatnya sebagai *al-Furqān* berperanan sebagai panduan utama dalam membezakan antara kebenaran dan kebatilan. Ia mendedahkan pelbagai bentuk sistem kepercayaan bukan Islam sebagai rujukan bagi umat manusia mengenali batas-batas akidah yang sah. Dalam masa yang sama melalui tradisi kenabian, sirah Rasulullah SAW memperlihatkan pendekatan dialog yang terbuka dan

¹ Haslina Ibrahim, "In Defence of Religious Truth: The Crisis of Intellectual Veracity in the Study of Religion," dalam *Kalam and its Relevance in Muslim Scholarship of Religion: An Integrated Approach*, ed. Haslina Ibrahim (Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press, 2023), 12-26.

berhemah bersama penganut agama Yahudi, Nasrani dan pagan. Pendekatan ini bukan sahaja memberi ruang kepada pencerahan tentang ajaran Islam, malah menjadi asas kepada pembangunan wacana ilmiah terhadap agama-agama lain dalam sejarah pemikiran Islam.

Pendekatan tersebut telah membentuk matlamat kajian oleh ilmuwan Muslim terhadap agama-agama lain sejak kurun ketiga hingga kelima Hijrah. Antara tokoh awal ialah 'Alī bin Rabban al-Ṭabarī (w. 240H) yang menghasilkan *al-Radd 'alā Aṣnāf al-Naṣārā*, sebuah karya kritikal terhadap ajaran golongan tertentu dalam agama Kristian.² Abū Manṣūr al-Māturīdī pula dalam *Kitāb al-Tawḥīd* mempertahankan konsep tauhid dengan menelusuri penyelewengan akidah dalam kalangan kelompok Muslim dan sistem kepercayaan asing seperti ateisme, dualisme, Majusi, Yahudi dan Nasrani.³

Perkembangan selanjutnya menyaksikan lahirnya karya-karya ensiklopedik yang lebih sistematik dan komparatif. Antaranya ialah *al-Milal wa al-Niḥal* oleh Muḥammad 'Abd al-Karīm al-Shahrastānī (w. 429H),⁴ *al-Fiṣal fī al-Milal wa al-Aḥwā' wa al-Niḥal* oleh Ibn Ḥazm al-Zāhirī (w. 457H),⁵ dan *Taḥqīq mā li al-Hind min Maqūlah Maqbūlah fī al-'Aql aw Mardhūlah* oleh Abū al-Rayḥān al-Bīrūnī (w. 440H).⁶ Karya-karya ini

² Ibn Rabban, Abū al-Ḥassan 'Alī bin Sahl al-Ṭabarī, *al-Radd 'alā Aṣnāf al-Naṣārā*, Khālid Muḥammad 'Abduh (ed.). (Al-Jizah: Maktabah al-Nāfidhah, 2005).

³ Al-Māturīdī, Abū Manṣūr Muḥammad bin Muḥammad bin Maḥmūd, *Kitāb al-Tawḥīd*, ed. Bekir Topaloğlu & Muhammad Aruçi (Beirut-Istanbul: Dār Ṣadir-Maktabah al-Irshād, 2001).

⁴ Muḥammad bin 'Abd al-Karīm al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Niḥal* (Beirut: Dār al-Surūr, 1970).

⁵ Ibn Ḥazm al-Zāhirī, Abū Muḥammad 'Alī bin Aḥmad, *al-Faṣl fī al-Milal wa al-Aḥwā' wa al-Niḥal*, eds. Muḥammad Ibrāhīm Naṣr & 'Abd al-Raḥman 'Umayrah, vol. 1-4. (Beirut: Dār al-Jīl, 1996).

⁶ Al-Bīrūnī, Abū al-Rayḥān Muḥammad bin Aḥmad, *Taḥqīq mā li al-Hind min Maqūlah Maqbūlah fī al-'Aql aw Mardhūlah* (Beirut: Dār al-Jīl, 1993).

menunjukkan kepelbagaian dalam pendekatan, termasuk kritikan rasional, deskripsi objektif dan kaedah lapangan yang disesuaikan dengan latar masyarakat dan konteks zamannya. Meskipun metodologi yang digunakan berbeza, para sarjana Muslim ini berkongsi kerangka epistemologi yang sama pada aspek berikut:

- i. Sumber (wahyu)
- ii. Matlamat (mempertahankan Islam)
- iii. Makna (penilaian kebenaran)
- iv. Nilai (adab dalam wacana).⁷

Kesatuan kerangka ini menjadi asas kepada kajian agama lain dalam tradisi keilmuan Islam secara rasional, sistematik dan beretika.

Analisis terhadap karya-karya awal sarjana Muslim di atas menunjukkan bahawa pendekatan yang paling dominan dalam kajian terhadap agama lain adalah pendekatan debat (*al-jadal*). Hal ini dapat dikenalpasti melalui penggunaan istilah *radd* dalam tajuk dan kandungan karya yang merujuk kepada usaha penolakan atau bantahan terhadap ajaran agama lain. Dalam wacana akademik Barat moden, pendekatan ini sering dikategorikan sebagai pendekatan polemik dan apologetik, kerana fokus utamanya adalah mempertahankan kebenaran Islam serta menolak atau mencabar doktrin agama-agama lain.⁸

Secara umum, sumber utama yang digunakan oleh sarjana Muslim dalam usaha memahami ajaran agama lain adalah teks-teks suci dan karya ilmuwan agama tersebut. Selain itu, maklumat juga diperoleh melalui kaedah pemerhatian lapangan secara langsung (*participant*

⁷ Haslina Ibrahim, "The Crisis of Intellectual Veracity in the Study of Religions," *Proceedings of the Asia International Multidisciplinary Conference (AIMC 2017)*, 01-02 Mei, 2017, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bharu, Malaysia, 739.

⁸ Jean Jacques Waardenburg, *Muslim Perceptions of Other Religions: A Historical Survey* (New York: Oxford University Press, 1999), 5.

observation), interaksi dengan penganut agama yang dikaji, atau wawancara bersama individu yang telah memeluk Islam daripada latar agama asal tertentu. Dalam sesetengah keadaan, sesi perdebatan formal antara sarjana Muslim dan bukan Muslim turut berlangsung, dengan kedua-dua pihak menggunakan pendekatan logik dan rasional dalam mengemukakan serta menangkis hujah. Hasil daripada sesi-sesi ini didokumentasikan sebagai bahan ilmiah bagi membuktikan kelemahan sistem kepercayaan lain dan dalam masa yang sama mempertahankan keutuhan ajaran Islam daripada sebarang bentuk kesalahan tafsir atau dakwaan palsu.

Selain pendekatan debat, terdapat juga sarjana Muslim yang menggunakan pendekatan ensiklopedik dalam meneliti agama-agama bukan Islam. Pendekatan ini lebih deskriptif dan sistematik, dengan memberi tumpuan kepada penyusunan maklumat secara tematik mengenai doktrin-doktrin yang bertentangan atau menyimpang daripada prinsip Islam. Walaupun tidak bersifat konfrontatif seperti pendekatan polemik, karya-karya ensiklopedik ini tetap mengandungi unsur analisis kritikal terhadap keabsahan dan konsistensi ajaran agama yang dikaji, serta bertujuan menegaskan keunggulan Islam sebagai agama yang berasaskan wahyu dan rasional.⁹

Abū al-Rayhān Muḥammad ibn Aḥmad al-Bīrūnī merupakan antara tokoh sarjana Muslim yang menonjolkan pendekatan empirikal dan pemerhatian ikut serta (*participant observation*) dalam kajian lintas agama, khususnya terhadap golongan Brahmin yang mewakili kasta tertinggi dalam agama Hindu. Dalam usaha memahami kepercayaan dan amalan golongan ini, al-Bīrūnī menetap dalam kalangan mereka dan mempelajari bahasa Sanskrit bagi membolehkannya meneliti teks-teks suci Hindu secara langsung. Pendekatan lapangan yang diambil

⁹ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Haslina Ibrahim, "In Defence of Religious Truth," 12-26.

oleh al-Bīrūnī telah mendapat pengiktirafan dalam kalangan sarjana moden yang menyifatkannya selari dengan pendekatan fenomenologi (*phenomenology*) iaitu satu kerangka metodologi yang hanya diperkenalkan secara rasmi dalam wacana akademik Barat pada penghujung abad ke-19 dan berkembang dalam abad ke-20.¹⁰

Tujuan utama pendekatan al-Bīrūnī bukan sekadar untuk memperoleh data yang sahih dan tepat daripada sumber asal, tetapi juga untuk membina jambatan kefahaman antara komuniti Muslim dan Hindu. Namun begitu, keterbukaan beliau terhadap pendekatan deskriptif dan empati tidak menghalangnya daripada mengaplikasikan analisis kritis dalam menilai aspek-aspek tertentu dalam ajaran dan amalan keagamaan Brahminisme yang dianggap bertentangan dengan prinsip akidah Islam. Pendekatan seimbang antara pemahaman dan penilaian ini menjadikan sumbangan al-Bīrūnī signifikan dalam sejarah awal kajian perbandingan agama dalam tradisi keilmuan Islam.

Sehubungan itu dari perspektif tradisi keilmuan Islam, tidak wujud satu disiplin ilmu yang secara khusus dinamakan sebagai Perbandingan Agama sebagaimana difahami pada hari ini. Sebaliknya, perbincangan berkaitan agama-agama lain lebih dikenali sebagai *ʿIlm al-Milal wa al-Niḥal*, iaitu ilmu tentang agama-agama dan aliran-aliran pemikiran, bukan *Muqāranat al-Adyān* seperti yang lebih lazim digunakan dalam wacana kontemporari. Malah, istilah Kajian Agama sendiri berasal daripada terjemahan Barat terhadap istilah *Religious Studies* atau *The Science of Religion* yang pada hakikatnya pula merupakan terjemahan

¹⁰ Nurhanisah Senin et al., "Understanding the 'Other': A Case of al-Biruni (973-1048AD)," *International Journal of Ethics and System* 35(1) (2019), 392-408.

literal daripada istilah Jerman *Religionswissenschaft*, yakni 'sains agama'.¹¹

Dalam konteks keilmuan Islam klasik, perbahasan mengenai agama-agama lain lazimnya berkembang dalam kerangka *'Ulūm al-Dīn* khususnya dalam disiplin Usuluddin, dan kemudian diperluas dalam ruang lingkup ilmu Kalam. Karya-karya yang dihasilkan dalam lingkungan ini amat berkait rapat dengan perbahasan akidah dan mempertahankan ketauhidan, apatah lagi dengan kemunculan ilmu Kalam sebagai alat utama untuk menghujahkan dan membuktikan kebenaran Islam, terutamanya dalam aspek *ilāhiyyāt* (teologi ketuhanan). Meskipun istilah yang digunakan dalam tradisi Islam berbeza, pada masa kini istilah ilmu Perbandingan Agama telah diterima secara meluas untuk merujuk kepada kajian sistematik terhadap agama-agama dunia. Ia juga sering disepadukan dengan istilah Kajian Agama (*Religious Studies*), yang merangkumi pendekatan multidisiplin terhadap agama, sama ada dari sudut sejarah, falsafah, antropologi, mahupun sosiologi.

Istilah *comparative religion* yang merujuk kepada kajian perbandingan antara pelbagai agama dunia berasal daripada tradisi intelektual Barat yang berkembang pesat sejak abad ke-17. Istilah ini terdiri daripada dua komponen utama, iaitu *'comparative'* yang bermaksud perbandingan, dan *'religion'* yang merujuk kepada sistem kepercayaan serta amalan kerohanian. Maka, secara umum, *comparative religion* bermakna satu pendekatan ilmiah untuk mengkaji persamaan dan perbezaan antara agama-agama dari pelbagai sudut seperti doktrin, amalan ibadah, struktur sosial, sejarah dan pengalaman spiritual. Perkembangan awal bidang ini tidak dapat dipisahkan daripada pengaruh Zaman Pencerahan (*Enlightenment*) di Eropah. Ketika itu,

¹¹ F. Max Müller, *Introduction to the Science of Religion: Four Lectures (Delivered at the Royal Institution, in February and May, 1870)* (Boston: Adamant Media Corp., 2005), 26.

para pemikir mula memberi penekanan kepada pendekatan rasional dan empirikal dalam menilai kepercayaan agama, sekaligus membuka ruang untuk pengkajian agama-agama bukan Kristian secara lebih sistematik.¹² Dalam konteks penjajahan dan orientalisme, para sarjana Barat yang terdedah kepada tradisi keagamaan Timur seperti Islam, Hindu dan Buddha mula menjalankan kajian perbandingan, meskipun banyak kajian awal yang dijalankan bersifat berat sebelah dan berorientasikan nilai-nilai Eropah.

Penginstitutionan kajian agama perbandingan sebagai satu disiplin akademik bermula secara rasmi pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 di beberapa institusi pengajian tinggi terkemuka seperti University of Oxford, University of Chicago dan Université de Paris. Tokoh yang paling dikenali dalam perkembangan awal bidang ini ialah Friedrich Max Müller, seorang sarjana Jerman yang dianggap sebagai pelopor kajian *comparative religion*. Beliau terkenal dengan kenyataannya, "*he who knows one religion knows none*", yang membawa maksud bahawa seseorang tidak mungkin memahami hakikat agama secara menyeluruh tanpa membandingkannya dengan agama lain.¹³ Selain itu, tokoh seperti Cornelis Petrus Tiele dan Nathan Söderblom turut memberi sumbangan penting dalam memperkukuhkan asas akademik bagi bidang ini.

Namun dalam tradisi keilmuan Islam, ilmu Perbandingan Agama bukan sekadar bidang garapan falsafah atau teologi semata-mata.¹⁴ Walaupun secara

¹² Untuk kupasan lanjut, lihat Abdul Rahman Haji Abdullah, *Wacana Falsafah Sejarah: Perspektif Barat dan Timur* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2000), 95.

¹³ Müller, *Introduction to the Science of Religion*, 26.

¹⁴ Azmil Zainal Abidin, "Fenomena Kerencaman Agama dan Alternatif Usuluddin Terhadap Pendekatan Dialog antara Agama," dalam *Konsep Asas Islam dan Hubungan antara Agama*, ed. Wan Suhaimi Wan Abdullah & Mohd Fauzi Hamat (Kuala Lumpur: Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007), 137.

lahiriah ilmu ini kelihatan bersifat deskriptif dan tidak terlibat secara langsung dalam membuat penilaian terhadap sesuatu agama, hakikatnya ia turut memuatkan dimensi penilaian terhadap kesahihan sesuatu kepercayaan berdasarkan prinsip dan neraca al-Quran. Penilaian ini tidak hanya menyentuh soal benar atau palsu suatu anutan, bahkan turut melibatkan aspek baik dan buruk ajaran yang dibawa oleh agama tersebut. Penilaian sebegini sudah tentu tidak dapat dielakkan, khususnya apabila pengkaji Islam menilai agama lain berasaskan perspektif Islam sebagai agama wahyu terakhir.

Namun begitu, pendekatan Islam terhadap ilmu ini sangat berbeza daripada pendekatan Barat yang bersifat sekular dan neutral. Dalam disiplin ini, para pengkaji Muslim perlu terlebih dahulu memahami perspektif sesuatu agama dari sudut pandang penganutnya sendiri, sebelum menilainya dari perspektif Islam. Hal ini penting kerana proses memahami sesuatu agama dalam konteks ilmu Perbandingan Agama memerlukan keluasan minda dan keterbukaan intelektual agar tidak jatuh ke dalam perangkap penilaian sempit yang bersifat prejudis.¹⁵ Justeru, disiplin ini berada di luar ruang lingkup perbandingan yang bersifat teknikal semata-mata, sebaliknya melibatkan pendekatan intelektual yang menyeluruh dan berempati. Sejarah Islam sendiri telah memberikan contoh klasik aplikasi ilmu Perbandingan Agama yang berteraskan wahyu iaitu melalui peristiwa dialog Rasulullah SAW dengan wakil Kristian Najran. Dialog ini mencerminkan pendekatan ilmu Perbandingan Agama yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah, serta menekankan prinsip keadilan, kebijaksanaan dan

¹⁵ Azmil, "Fenomena Kerencaman Agama," 138; Untuk pemahaman lanjut sila rujuk Khadijah Mohd Khambali @ Hambali et al., "Dialog antara Agama dalam Konteks Ilmu Perbandingan Agama Menurut Perspektif Islam," *TAFHIM: Journal of Islam and Contemporary World* 6 (2013), 83-120.

penghormatan terhadap penganut agama lain.¹⁶ Peristiwa ini membuktikan bahawa Islam sejak awal lagi telah memiliki tradisi dialog yang matang dan berakar dalam nilai-nilai *tasamuh* (toleransi), ihsan dan mahabbah (kasih sayang), yang menjadi asas kepada keharmonian hubungan antara umat beragama.

Oleh itu boleh dikatakan sebenarnya ilmu Perbandingan Agama ini telah dirintis oleh para sarjana Muslim. Kajian terhadap agama-agama lain tidak hanya bertujuan mempertahankan akidah Islam, tetapi turut mewakili usaha ilmiah yang bersifat sistematik dalam memahami sistem kepercayaan lain dari sudut sejarah, falsafah dan logik. Sumbangan para ilmuwan Muslim ini tidak hanya signifikan dalam konteks peradaban Islam, bahkan mendapat pengiktirafan daripada sarjana Barat dalam bidang Perbandingan Agama. Sebagai contoh, H. Pinard de La Boullaye menamakan Ibn Ḥazm sebagai pelopor sebenar dalam tradisi Perbandingan Agama. Beliau dikenali melalui karya *al-Fiṣal fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal* yang bersifat analitikal dan kritikal terhadap pelbagai agama dan aliran pemikiran.

Manakala Eric J. Sharpe pula memuji Imam al-Shahrastānī yang dalam karya monumentalnya *al-Milal wa al-Niḥal* telah menghimpunkan dan menghuraikan agama-agama utama dunia pada zamannya, termasuk yang terdapat di wilayah Asia sehingga ke sempadan China. Sharpe menegaskan bahawa, "*This outstanding work far outstrips anything which Christian writers were capable of producing at the same period,*" sekali gus mengakui

¹⁶ Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, "Islam Agama Rahmah dan Toleransi Beragama: Realiti dan Cabaran," dalam *Isu dan Cabaran Hubungan Antara Agama di Malaysia*, eds. Khadijah Mohd Khambali @ Hambali et al. (Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008), 1-3.

keunggulan metodologi ilmuwan Muslim dalam kajian agama.¹⁷

Kesimpulannya, ilmu Perbandingan Agama dalam konteks dunia Islam adalah cerminan pandangan Islam terhadap realiti kerencaman agama dalam masyarakat. Ia bukan ilmu yang muncul daripada pengalaman sekular Barat, tetapi merupakan hasil daripada ketamadunan Islam yang kaya dengan nilai intelektual dan spiritual. Sikap terbuka umat Islam terhadap agama-agama lain, terutamanya Yahudi dan Kristian telah mendorong lahirnya satu pendekatan ilmiah terhadap agama lain jauh sebelum pendekatan ini berkembang di Barat. Maka, dialog antara agama menurut perspektif Islam bukanlah medan untuk mencerca atau memperlekeh agama lain, tetapi merupakan platform untuk saling memahami, bekerjasama dan menjamin kebebasan beragama dalam suasana yang aman dan harmoni. Firman Allah SWT dalam Surah al-Kafirun, ayat 6, "*Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku*", menjadi asas kepada prinsip kebebasan beragama dan keharmonian antara agama dalam Islam. Ayat ini menegaskan bahawa dalam perbezaan sekalipun, umat Islam diajar untuk berinteraksi dengan hikmah, berdialog dengan adab, dan menghormati hakikat pluraliti dalam masyarakat.

Justeru, pendekatan Islam terhadap ilmu Perbandingan Agama perlu dilihat sebagai suatu bentuk dialog peradaban (*hiwār al-ḥadārāt*) yang membawa kepada kemajuan pemikiran dan penyuburan nilai-nilai insani yang universal. Termasuk dalam bentuk interaksi ini ialah melalui dialog antara agama yang memabatkan kajian empirikal melalui aktiviti kunjungan ke rumah ibadah berbeza agama. Perbincangan selanjutnya akan

¹⁷ Muḥammad ‘Abd Allāh al-Sharqāwī, "Manāhij Muqāranāt al-Adyān fī Fikr al-Islām," dalam *al-Mu'tamar al-Dawlī al-Awwal li al-Falsafah al-Islāmiyyah* (Kaherah: Jāmi'ah al-Qāhirah, 1996), 513.

membahaskan persoalan ini menurut kerangka ilmu Perbandingan Agama moden dan menurut Islam.

Kunjungan Ke Rumah Ibadat: Metode Empirikal Perbandingan Agama

Keperluan terhadap pengalaman lapangan dalam kajian agama telah menggalakkan penerapan pendekatan empirikal, khususnya melalui kunjungan ke rumah ibadat sebagai medium pengumpulan data primer secara langsung daripada sumber keagamaan dan amalan penganutnya. Menjelang abad ke-20, pendekatan ini berkembang sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang signifikan dalam kursus-kursus berkaitan ilmu Perbandingan Agama di institusi pengajian tinggi, khususnya di Barat. Praktik ini kemudiannya diterima dan dilaksanakan oleh masyarakat awam selaras dengan pertumbuhan wacana dialog antara agama yang menekankan keperluan kepada persefahaman dan keharmonian antara penganut agama.

Pada tahun 1991, Profesor Diana L. Eck, seorang tokoh akademik yang juga pendukung fahaman pluralisme agama telah mempelopori projek Harvard Pluralism Project. Projek ini memperkenalkan pendekatan sistematik dan berstruktur dalam kunjungan ke rumah ibadat sebagai sebahagian daripada kurikulum pengajian agama di Harvard. Eksperimen akademik ini kemudiannya diperluas kepada para aktivis antara agama di Amerika Syarikat dan diterima secara meluas sebagai satu strategi berkesan dalam memupuk toleransi, saling menghormati dan dialog konstruktif antara komuniti keagamaan yang pelbagai.¹⁸

Profesor John Hick, tokoh terkemuka dalam falsafah pluralisme agama telah menerapkan pendekatan empirikal sebagai sebahagian daripada usahanya untuk memahami konsep keselamatan (*salvation*) dalam agama-agama bukan Kristian. Pengalaman ini bermula selepas beliau berhijrah

¹⁸ The Pluralism Project, Harvard University, dicapai 7 Ogos 2024, <https://pluralism.org/>.

ke Birmingham dan dilantik sebagai penyandang Kerusi H. G. Wood dalam bidang Falsafah Agama di Universiti Birmingham. Di sana, beliau terdedah kepada aktiviti pelbagai komuniti keagamaan yang bernaung di bawah kumpulan *All Faiths for One Race*. Melalui keterlibatannya, Hick mempelajari ajaran pelbagai agama dan sesekali turut menghadiri upacara keagamaan mereka sebagai sebahagian daripada pencarian pengalaman empirikal. Pendedahan langsung ini memberikan kesan mendalam terhadap pandangan keagamaannya, sehingga mendorong beliau untuk mengkritik eksklusivisme doktrin Kristian dan seterusnya merumuskan falsafah pluralisme agama sebagai suatu bentuk reformasi teologi.¹⁹

Walau bagaimanapun bentuk perkembangan dan pendekatan kunjungan yang dilaksanakan, amalan ini boleh dikatakan mengambil inspirasi daripada pendekatan yang digunakan oleh al-Bīrūnī ketika mengkaji golongan Brahmin seperti yang dinyatakan di atas. Metodologi beliau yang menyerupai pendekatan fenomenologi moden telah mendapat pengiktirafan daripada sebahagian sarjana Barat, khususnya kerana pendekatan ini berbeza daripada kaedah polemik dan apologetik yang bersifat konfrontatif. Pendekatan al-Bīrūnī yang menangguhkan penilaian awal (*suspension of judgment*) terhadap agama yang dikaji telah membolehkannya memperoleh data yang lebih objektif dan mendalam, sekali gus meletakkan asas kepada penelitian agama yang bersifat empatik dan teliti.²⁰

Selain itu, kemunculan pendekatan sosiologi, psikologi dan fenomenologi telah memberikan pengaruh yang signifikan terhadap metodologi kajian agama, khususnya apabila agama ditanggapi sebagai suatu produk

¹⁹ John Hick, *John Hick: An Autobiography* (Oxford: Oneworld, 2005), 5.

²⁰ Dinukilkan daripada Jacques Waardenburg, *Reflections on the Study of Religion: Including an Essay on the Work of Gerardus van Der Leeuw* (Berlin: De Gruyter Mouton, 2011), 12,

dan institusi insani (*human product and human institution*). Dalam konteks ini, tiada kaedah yang lebih sesuai untuk memperoleh data secara objektif melainkan dengan meneliti aspek-aspek kemanusiaan sama ada secara individu mahupun kolektif termasuklah dimensi psikologi dan tahap keberagamaan mereka. Berdasarkan perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa aktiviti kunjungan ke rumah-rumah ibadat merupakan salah satu pendekatan moden yang diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran disiplin Ilmu Perbandingan Agama, di samping menjadi sebahagian daripada kaedah empirikal yang digunakan oleh para penyelidik untuk mengakses maklumat secara langsung mengenai agama serta penganutnya.

Namun perspektif Islam seperti yang telah dijelaskan, tidak semata-mata berkait soal keharmonian dan toleransi semata-mata. Sehubungan itu, dalam membahaskan isu kunjungan ke rumah ibadat bukan Islam, adalah wajar untuk merujuk kepada naratif dan kerangka metodologi yang telah diketengahkan oleh para sarjana Muslim dalam konteks ilmu akidah, fiqh, perbandingan agama dan juga undang-undang. Perbincangan selanjutnya akan meneliti aspek perbincangan ini.

Analisis Kunjungan Rumah Ibadat Bukan Islam Menurut Konteks Akidah-Ilmu Perbandingan Agama

Al-Quran menganjurkan umat Islam agar berinteraksi dan berkenalan dengan pelbagai kelompok etnik dan budaya, saling tolong-menolong dalam perkara kebaikan, serta berdialog atas dasar kebenaran dan keadilan. Pendekatan ini juga selaras dengan seruan al-Quran dalam Surah al-Hujurat 49:13 yang menekankan bahawa kepelbagaian manusia diciptakan Allah SWT agar mereka saling

berkenalan dan bukan untuk bersengketa.²¹ Oleh itu secara prinsipnya, tiada nas yang jelas sama ada dalam al-Quran mahupun Sunnah Rasulullah SAW yang secara spesifik menyuruh atau melarang amalan kunjungan ke rumah ibadat bukan Islam dalam konteks pembelajaran atau penyelidikan. Namun berpandukan beberapa konsep ilmu perbandingan agama berteraskan akidah Islam, praktik kunjungan rumah ibadat ini boleh dirumuskan melalui beberapa prinsip berikut:

1. Segala bentuk interaksi dengan agama-agama lain termasuk kunjungan ke rumah ibadat bukan Islam mesti ditimbang dengan prinsip akidah. Sekiranya kunjungan tersebut berisiko membawa kepada penyamaan akidah, keraguan terhadap Islam atau normalisasi kepercayaan syirik, maka ia ditolak kerana bercanggah dengan prinsip dasar Islam.
2. Pendekatan dialog dan diplomasi terhadap penganut agama lain adalah dibenarkan dan digalakkan, selagi mana ia berlaku dalam ruang dakwah, pencerahan dan penghormatan, tanpa kompromi terhadap akidah. Oleh itu, kunjungan ke rumah ibadat bukan Islam boleh dibenarkan sekiranya bertujuan ilmiah, pendidikan dan dakwah, bukan ibadah bersama atau menyokong kepercayaan mereka. Ini termasuk seperti:
 - i. Lawatan akademik oleh pelajar
 - ii. Kajian lapangan oleh penyelidik
 - iii. Perbincangan agama dalam ruang awam dan ilmiah yang terpandu
3. Interaksi dengan agama lain dilakukan secara berlandaskan wahyu dan rasionaliti, bermatlamatkan mempertahankan dan menerangkan Islam dan bersikap objektif, kritikal tetapi beradab.

²¹ Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, "Kepelbagaian & Kesatuan Dalam Konteks *Fiqh al-Ta'ayush*," *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 22(1) (2020), 73-102.

Maka, kunjungan ke rumah ibadah bukan Islam dalam konteks penyelidikan ilmiah adalah diizinkan selagi tidak membawa kepada pengiktirafan agama berbeza sebagai benar.

4. Islam mengiktiraf kewujudan kepelbagaian agama di dunia dan menyeru kepada keadilan dalam bermuamalah dengan bukan Islam. Namun, toleransi ini tidak bermakna menerima kebenaran ajaran mereka, tetapi menghormati hak mereka sebagai manusia dan warga. Oleh itu, kunjungan atas dasar hubungan sosial, budaya atau kemanusiaan, seperti menghadiri dialog antara agama atau majlis rasmi, adalah dibenarkan dengan syarat tidak melibatkan sebarang bentuk penyertaan dalam ritual keagamaan.

Rajah 1: Asas Pertimbangan dalam Interaksi Agama

Mengimbangi Interaksi Agama dengan Prinsip Islam



Penulisan ini selanjutnya membahaskan aspek kunjungan dalam konteks fiqh, kerana ia berkait rapat dengan hukum hakam yang wajib dipatuhi oleh setiap Muslim. Hal ini bertujuan memastikan pengamalan ajaran dan falsafah agama Islam yang sebenar, memandangkan interaksi antara Muslim dan bukan Muslim juga berlegar dalam ruang lingkup syarak dan peraturan hukum Islam.

Analisis Kunjungan Rumah Ibadat Bukan Islam Menurut Konteks Fiqh

Sebelum diulas lanjut tentang isu kunjungan ini, adalah penting untuk ditekankan bahawa dalam Islam semua perlakuan Muslim tertakluk kepada hukum sama ada wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Hukum-hakam ini diistinbatkan daripada dalil-dalil syarak mengikut disiplin Ilmu Usul al-Fiqh. Sesuatu perbuatan dihukumkan sebagai wajib atau sunat apabila wujud dalil yang memperlihatkan kepada suruhan atau penganjuran perbuatan tersebut. Sebaliknya hukum haram atau makruh pula ditetapkan apabila wujudnya larangan daripada nas terhadap perlakuan tersebut. Bagi perbuatan yang tidak dinyatakan suruhan atau larangan terhadapnya melalui nas syarak, maka perbuatan tersebut dihukumkan harus.²² Dalam konteks kunjungan ke rumah ibadat, perbincangan fiqh mengenainya berlegar kepada beberapa persoalan yang berkaitan. Antara persoalan yang utama adalah:

- i. Perbuatan masuk atau kunjungan ke rumah ibadat bukan Muslim;
- ii. Solat di dalam rumah ibadat bukan Muslim;
- iii. Melakukan upacara keagamaan di dalam rumah ibadat bukan Muslim;
- iv. Membantu membersihkan rumah ibadat bukan Muslim;

²² 'Abd al-Karīm Zaydān, *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh* (Damsyiq: Mu'assasat al-Risālah, 2013), 24-25.

v. Terlibat dalam pembinaan rumah ibadat bukan Muslim.

Persoalan-persoalan yang dinyatakan menggambarkan realiti interaksi antara Muslim dan bukan Muslim yang menuntut jawapan dan garis panduan daripada syarak. Persoalan-persoalan ini telah dibincangkan oleh para fuqaha' dalam penulisan klasik mahupun kontemporari sebagai respon terhadap perkembangan yang berlaku di zaman mereka. Jika diamati penulisan turath atau klasik fiqh, perbincangan mengenai isu ini adalah banyak berlegar mengenai hukum masuk ke dalam rumah ibadat bukan Islam dan hukum bersolat di dalamnya. Di dalam penyusunan penulisan kitab fiqh, persoalan ini dibincangkan dalam bab "perkara-perkara yang makruh dilakukan dalam solat".

Selain itu, persoalan ini juga banyak dibincangkan dalam kitab syarah hadith yang menjelaskan maksud hadith yang menjadi dalil kepada isu ini. Ia disusun di bawah bab "solat di dalam gereja (*al-bī'ah*)". Dalam konteks semasa, persoalan ini juga boleh didapati dalam koleksi fatwa dalam situasi yang lebih menggambarkan realiti semasa. Antaranya seperti berkunjung ke rumah ibadah bukan Islam ketika melancong, membina serta membersihkan rumah ibadah bukan Islam, menghadiri majlis perkahwinan di rumah ibadat bukan Islam, mengikuti lawatan sekolah atau universiti dan menggunakan dewan di rumah ibadat bukan Islam untuk aktiviti penganut Muslim.

Pandangan fuqaha' berhubung hukum berkunjung ke dalam rumah ibadat bukan Islam secara umumnya terbahagi kepada tiga iaitu haram, makruh dan harus. Bagi fuqaha' daripada mazhab al-Syafie dan Hanafi yang berpandangan bahawa hukum memasuki rumah ibadat bukan Islam adalah haram, mereka bersandarkan kepada *athar* Saidina 'Umar yang enggan memenuhi jemputan ke gereja walaupun daripada seorang pembesar Syam. Ini kerana terdapat patung di dalam gereja tersebut:

وَقَدْ رَوَى عَبْدُ الرَّزَّاقِ مِنْ طَرِيقِ أُسْلَمَ مَوْلَى عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: لَمَّا قَدِمَ عُمَرُ الشَّامَ، صَنَعَ لَهُ رَجُلٌ مِنَ النَّصَارَى طَعَامًا، وَكَانَ مِنْ عَظَمَائِهِمْ، وَقَالَ: أَحِبُّ أَنْ يَجِئَنِي وَتُكْرِمَنِي، فَقَالَ لَهُ عُمَرُ: إِنَّا لَا نَدْخُلُ كِنَائِسَكُمْ مِنْ أَجْلِ الصُّورِ الَّتِي فِيهَا.²³

Terjemahan: ‘Abd al-Razzaq meriwayatkan dari Aslam, Mawla ‘Umar, semoga Allah meredainya, bahawa dia berkata: Ketika ‘Umar datang ke Syam, seorang lelaki Nasrani, yang merupakan salah seorang pembesar mereka, menyediakan makanan untuknya dan berkata: “Aku ingin kamu datang kepadaku dan memuliakanku”, maka ‘Umar berkata kepadanya: “Kami tidak memasuki gereja-gereja kamu kerana patung-patung di dalamnya.”

Selain itu, *‘illah* larangan kunjungan ke rumah ibadat bukan Islam seperti gereja Kristian, *synagog* Yahudi dan rumah ibadat bukan Muslim yang lain adalah disebabkan ia merupakan tempat tinggal syaitan.²⁴ Pandangan ini antaranya diutarakan oleh al-Khaṭīb al-Sharbīnī yang memetik pandangan al-Rafī‘ī daripada mazhab Syafie. Beliau turut menambah bahawa haram seorang Muslim berkunjung ke rumah ibadat bukan Islam jika penganutnya menghalang atau tidak mengizinkannya.²⁵ Oleh kerana itu,

²³ Badr al-Dīn Abū Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-‘Aynī, *‘Umdah al-Qarī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 4: 192.

²⁴ Al-Khaṭīb al-Sharbīnī, Shams al-Dīn, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifat Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 1: 424.

²⁵ Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 1:424.

solat di dalam rumah ibadat bukan Islam juga adalah makruh menurut pandangan mazhab Syafie.²⁶

Pandangan kedua mengenai kunjungan Muslim ke rumah ibadat bukan Islam adalah makruh. Ini merupakan sebahagian pandangan dalam mazhab Hanafi dan Syafie.²⁷ Walau bagaimanapun, hukum makruh ini tertakluk kepada kewujudan patung atau gambar di dalam rumah ibadat tersebut menurut mazhab Hanbali. Sekiranya tidak terdapat patung, hukumnya adalah harus.²⁸ Pandangan-pandangan ini adalah bersandarkan kepada *athar* berikut:

وَكَانَ ابْنُ عَبَّاسٍ يُصَلِّي فِي الْبَيْعَةِ إِلَّا بَيْعَةً فِيهَا تَمَائِلٌ²⁹

Terjemahan: Ibn Abbas pernah bersembahyang di dalam gereja, kecuali gereja yang di dalamnya terdapat patung.

Berdasarkan *athar* di atas, Ibn ‘Abbās pernah bersolat di dalam gereja yang tiada patung. Walau bagaimanapun, beliau tidak bersolat di dalam gereja yang mempunyai patung. Mengikut pandangan kedua ini, solat di dalam rumah ibadat bukan Muslim juga adalah makruh. Seterusnya, pandangan ketiga dalam hal ini adalah harus walaupun terdapat patung di dalamnya. Ini merupakan pandangan mazhab Hanbali.³⁰ Pandangan ini disandarkan kepada keumuman hadith Nabi SAW yang mengharuskan solat di mana sahaja tempat yang bersih apabila telah

²⁶ Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, 1:424; Muḥammad al-Zuhaylī, *al-Mu‘tamad fī al-Fiqh al-Shafī‘ī* (Damsyiq: Dār al-Qalam, 2021), 1:326.

²⁷ Maḥmūd Muḥammad Khaṭṭab al-Subkī, *al-Dīn al-Khālīs aw Irshād al-Khalq ilā Dīn al-Khālīq* (t.tp.: al-Maktabah al-Maḥmūdiyyah al-Subkiyyah, 1977), 3:221.

²⁸ Muḥammad bin Muflih al-Maqdisī, *al-Adab al-Shar‘iyyah* (Beirut: Mu‘assasah al-Risālah, 2005), 3:431.

²⁹ Al-Karmānī, Muḥammad bin Yūsuf, *Kawākib al-Durarī fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1981), 4:96.

³⁰ Muḥammad al-Maqdisī, *al-Adab al-Shar‘iyyah*, 3:431.

masuk waktu solat seperti yang dinyatakan dalam Hadith berikut:

فَأَيْنَمَا أَذْرَكْتُمْ الصَّلَاةَ فَصَلُّوا، فَإِنَّهُ مَسْجِدٌ³¹

Terjemahan: “Apabila telah tiba waktu solat, kerjakanlah kerana di mana pun bumi Allah adalah masjid (tempat sujud).”

Selain hadith di atas, Nabi SAW juga pernah bersolat di hadapan Kaabah yang terdapat berhala padanya ketika itu.³² Justeru, al-Sha‘bi, ‘Aṭā’ bin Abī Rabah dan Ibn Sirin berpandangan bahawa hukum bersolat di dalam gereja adalah harus. Abū Mūsā al-Ash‘arī dan ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz juga dilaporkan pernah bersolat di dalam gereja. Dalam konteks semasa, antara fatwa yang diputuskan mengenai persoalan mengunjungi rumah ibadat bukan Islam dirumuskan seperti dalam jadual di bawah:

³¹ Muḥammad al-Maqdisī, *al-Adab al-Shar‘iyyah*, 3:431.

³² Muḥammad al-Maqdisī, *al-Adab al-Shar‘iyyah*, 3:431.

Jadual 1: Hukum mengunjungi rumah ibadat bukan Islam dalam fatwa-fatwa semasa di laman sesawang

| Bil. | Institusi Fatwa | Persoalan | Hukum dan Justifikasi |
|--|--|--|---|
| Hukum Memasuki Rumah Ibadat Bukan Islam | | | |
| 1. | Islamweb.net 11 September 2001 | <i>Hukm Dukhūl al-Kanā'is li al-Siyāḥah</i> ³³ Hukum memasuki gereja bagi tujuan melancong | Tidak harus memasuki gereja bagi tujuan melancong kerana kunjungan tersebut seperti mengiktiraf kebatilan mereka. |
| 2. | Islamweb.net 10 April 2004 | <i>Hukm Ziyārah Ma'bad al-Kuffar</i> ³⁴ Hukum mengunjungi rumah ibadat bukan Islam | Harus jika tidak membawa kepada perkara yang diharamkan. |
| 3. | Jabatan Mufti Negeri Perlis 17 Oktober 2023 | Hukum orang Islam memasuki rumah ibadat orang bukan Islam ³⁵ | Boleh dengan memenuhi syarat tertentu. Haram jika tidak memenuhi syarat-syaratnya. |

³³ “Hukm Dukhūl al-Kanā'is li al-Siyāḥah,” *Islamweb.net*, 11 September 2001, <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/10237/-حکم-دخول-الكنائس-للسياحة>

³⁴ “Hukm Ziyārah Ma'bad al-Kuffar,” *Islamweb.net*, 10 April 2004, <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/99921/حکم-زيارة-معابد-الكفار>

³⁵ “Hukum Orang Islam Memasuki Rumah Ibadat Bukan Islam,” Jabatan Mufti Negeri Perlis, 22 Disember 2023, <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/850-hukum-orang-islam-memasuki-rumah-ibadah-bukan-islam>

| Masuk ke Rumah Ibadat Bukan Islam Dengan Pelbagai Tujuan | | | |
|---|---|---|--|
| 1. | Islamweb.net 20 Februari 2000 | <i>Al-Ṣalāh fī al-Kanā'is Jā'izah wa al-'Amal fihā Muḥarram</i> ³⁶ Solat di dalam gereja adalah harus namun berkerja di dalamnya adalah haram | Boleh bersolat di dalam gereja jika terdapat keperluan melakukannya. Walau bagaimanapun, tidak harus bekerja di dalamnya bagi tujuan pembinaan atau mencantikkannya. |
| 2. | <i>Islam Su'āl wa Jawāb li al-Mushrif al-'Am Muḥammad Ṣāliḥ al-Munajjid (IslamQA.info)</i> Tarikh: 11 Januari 2008 | <i>Ḥukm Dukhūl al-Muslim li al-Kanīsah</i> ³⁷ Hukum Muslim memasuki gereja | Soalan: Hukum seorang Muslim memasuki gereja untuk mendengar kuliah yang disampaikan di sana. Makruh masuk ke gereja tanpa keperluan dan hukumnya boleh menjadi haram jika membawa kepada mafsadah seperti mengiktiraf kemusyrikan mereka. Tidak dibenarkan untuk memasuki gereja semata-mata untuk menunjukkan toleransi dan kelonggaran. |

³⁶ "Al-Ṣalāh fī al-Kanā'is Jā'izah wa al-'Amal fihā Muḥarram," *Islamweb.net*, 20 Februari 2000, <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/3121/الصلاة-في-الكنائس-جائز-و-العمل>

³⁷ "Ḥukm Dukhūl al-Muslim li al-Kanīsah," *IslamQA.info*, 11 Januari 2008, <https://islamqa.info/ar/answers/111832/حكم-دخول-المسلم-للكنيسه>

| | | | |
|----|--|--|--|
| 3. | <p><i>Tarīq al-Islām</i> (Islamway.net) 6 April 2012 Oleh: ‘Abd al-Rahmān bin Naṣīr, Ahli Fakulti di Universiti al-Imam Muhammad bin Saud, Arab Saudi.</p> | <p><i>Dukhul Ma‘ābid al-Kuffār li al-Mushāhadah wa al-Ittilā</i>³⁸</p> <p>Memasuki rumah ibadat bukan Islam untuk melihat</p> | <p>Tidak harus memasuki rumah ibadat bukan Islam semata-mata untuk tujuan melihat. Ini kerana kebiasaannya apabila seseorang memasuki tempat-tempat ini untuk melihat, dia tidak berhasrat untuk berdakwah atau mengingkari, tetapi akan bersikap dingin dan lemah dalam pengingkarannya terhadap orang-orang musyrik dan kesyirikan mereka.</p> |
| 4. | <p>Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 8 Oktober 2018</p> | <p>Hukum Memasuki Rumah Ibadat Agama Lain dan Menghadiri Majlis Perkahwinan Orang Kristian di Gereja³⁹</p> | <p>Harus jika mempunyai tujuan yang diharuskan syarak, seperti untuk berdakwah, memenuhi jemputan berdialog antara agama dan sebagainya. Namun kehadiran sewaktu hari perayaan keagamaan mereka adalah tidak dibenarkan.</p> |

³⁸ “Ma‘ābid al-Kuffār li al-Mushāhadah wa al-Ittilā’,” *Islamway.net*, 6 April 2012, <https://ar.islamway.net/fatwa/37101/-دخول-معابد-الكفار-للمشاهدة-والاطلاع>

³⁹ “Hukum Memasuki Rumah Ibadat Agama Lain dan Menghadiri Majlis Perkahwinan Orang Kristian di Gereja,” *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, 8 Oktober 2018, <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/2647-irsyad-fatwa-248-hukum-memasuki-rumah-ibadat-agama-lain-dan-menghadiri-majlis-perkahwinan-orang-kristian-di-gereja>

| | | | |
|----|--|---|---|
| | | | Disunatkan jika yang berkahwin itu adalah terdiri daripada keluarga, sahabat handai, jiran tetangga, atau jika kehadiran kita itu mampu memberi sumbangan kepada dakwah Islam. |
| 5. | Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 14 Januari 2022 | Hukum Muslim membersihkan rumah ibadat agama lain ⁴⁰ | Tidak boleh melibatkan diri dalam kerja gotong royong membersihkan rumah ibadat agama lain kerana dibimbangi boleh menjerumuskan seseorang itu ke dalam kategori membantu ke arah kesyirikan yang jelas dilarang dalam Islam. |
| 6. | <i>Mawqī‘ al-Rasmī li al-Shaykh Ibn Baz</i> | “ <i>Hukm Dukhūl al-Kanīṣah wa al-Ṣalāh fihā li al-Mujāmalah</i> ” ⁴¹ Hukum memasuki gereja dan solat di dalamnya untuk | Tidak boleh solat di dalam gereja untuk menghormati penganutnya. Masuk ke gereja dibolehkan jika ada keperluan seperti untuk berdakwah dan ada darurat seperti |

⁴⁰ “Hukum Muslim membersihkan rumah ibadat agama lain,” Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 14 Januari 2022, <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/5095-al-kafi-1852-hukum-muslim-membersihkan-rumah-ibadat-agama-lain>

⁴¹ “*Hukm Dukhūl al-Kanīṣah wa al-Ṣalāh fihā li al-Mujāmalah*,” *Mawqī‘ al-Rasmī li al-Shaykh Ibn Bāz*, dicapai pada 23 Ogos 2024, <https://binbaz.org.sa/fatwas/23118/حكم-دخول-الكنيسة-والصلاة-فيها-للمجاملة>

| | | | |
|--|--|--------------------|--------------------------------|
| | | menghormati mereka | mengelak kesejukan atau hujan. |
|--|--|--------------------|--------------------------------|

Jadual di atas merupakan sebahagian fatwa terpilih yang diterbitkan secara atas talian antara tahun 2000 sehingga 2023. Fatwa yang dipilih merangkumi laman sesawang fatwa yang berautoriti daripada Malaysia dan luar negara seperti Arab Saudi dan Qatar. Fatwa-fatwa di atas menjawab persoalan yang diajukan oleh masyarakat Islam semasa mengenai hukum mengunjungi rumah ibadat bukan Islam atas pelbagai tujuan seperti melancong, sekadar untuk melihat, mendengar kuliah, sebagai tanda toleransi dan menghormati penganutnya, menghadiri majlis perkahwinan dan bekerja di dalamnya.

Daripada jadual di atas, dapat disimpulkan bahawa hukum memasuki gereja tidak dihukumkan haram secara mutlak dalam fatwa-fatwa semasa. Hukum haram ditetapkan apabila tujuan dan perbuatan yang dilakukan di dalam rumah ibadat bukan Islam mengandungi unsur pengiktirafan serta penghormatan terhadap kesyirikan penganutnya. Apa yang disepakati haram dalam fatwa-fatwa yang dirujuk adalah perbuatan Islam membersihkan, membina atau menghias rumah ibadat bukan Islam kerana ia membantu menambahkan kesyirikan penganutnya dan ia ditegah dengan jelas di dalam al-Quran dalam surah al-Ma'idah ayat 2.

Dalam persoalan kunjungan ke rumah ibadat bukan Islam, fatwa-fatwa yang dirujuk menghukumkan harus jika wujud keperluan atau darurat. Ini juga merupakan aspek yang disepakati oleh para fuqaha' terdahulu dan kontemporari selain memasukinya bagi tujuan berdakwah. Selain daripada tujuan-tujuan yang dinyatakan ini, hukum harus memasuki gereja adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu seperti berikut:

- i. Tidak bertujuan mengagungkan, mengiktiraf dan berbangga dengan unsur syirik, kufur atau maksiat yang ada di dalamnya⁴²
- ii. Tidak meredai kekufuran dan maksiat yang terdapat di dalamnya⁴³
- iii. Tidak melakukan perbuatan yang mengandungi unsur *tashabbuh* atau menyerupai penganut agama tersebut dalam melakukan syiar agama mereka⁴⁴

⁴² Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hajj 22: 30-31: "Itulah yang wajib dipatuhi; dan sesiapa yang menghormati hukum-hukum Allah maka yang demikian menjadi kebaikan baginya di sisi Tuhannya. Dan dihalalkan bagi kamu binatang-binatang ternak, kecuali yang dibacakan kepada kamu (tentang haramnya), maka jauhilah kekotoran syirik yang disebabkan oleh penyembahan berhala, serta jauhilah perkataan yang dusta. Amankanlah perkara-perkara itu) dengan tulus ikhlas kepada Allah, serta tidak mempersekutukan sesuatu pun denganNya; dan sesiapa yang mempersekutukan sesuatu yang lain dengan Allah maka seolah-olah dia jatuh dari langit lalu disambar oleh burung, atau dihambankan oleh angin ke tempat yang jauh (yang membinasakan)."

⁴³ Firman Allah dalam Surah al-Mumtahanah 60: 4: "Sesungguhnya adalah bagi kamu pada bawaan Nabi Ibrahim (a.s) dan pengikut-pengikutnya - contoh ikutan yang baik, semasa mereka berkata kepada kaumnya (yang kufur ingkar): "Sesungguhnya kami berlepas diri daripada kamu dan daripada apa yang kamu sembah yang lain dari Allah; kami kufur ingkarkan (segala penyembahan) kamu dan (dengan ini) nyatalah perasaan permusuhan dan kebencian di antara kami dengan kamu selama-lamanya, sehingga kamu menyembah Allah semata-mata," tetapi janganlah dicontohi perkataan Nabi Ibrahim kepada bapanya (katanya): "Aku akan memohon kepada Tuhanku mengampun dosamu, dan aku tidak berkuasa menahan (azab seksa) dari Allah sedikit juapun daripada menimpamu." (Berdoalah wahi orang-orang yang beriman sebagaimana Nabi Ibrahim dan pengikut-pengikutnya berdoa ketika mereka memusuhi kaumnya yang kafir, dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Kepada Engkaulah sahaja kami berserah diri, dan kepada Engkaulah kami rujuk bertaubat, serta kepada Engkaulah jua tempat kembali!"

⁴⁴ Hadith Nabi SAW secara jelas melarang perbuatan *tashabbuh*: "Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia termasuk dalam kalangan mereka." Abū Dāwūd, "Sunan Abī Dāwūd," dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Šāliḥ ibn 'Abd

- iv. Mendapat keizinan pemilik atau pihak agama tersebut⁴⁵
- v. Tidak mengunjungi pada hari perayaan agama tersebut dan meraikan bersama mereka⁴⁶
- vi. Tidak menimbulkan fitnah kepada diri dan agama Islam⁴⁷

Syarat-syarat yang ditetapkan ini adalah selari dengan nas al-Quran, Hadith Nabi SAW dan *athar* para sahabat yang mesti dijadikan panduan oleh umat Islam. Ini bertujuan menjaga kesucian dan ketinggian agama Islam serta akidah Muslim sebagaimana firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِأُحْسَنِ الْبَشَرِ لِيُظْهِرَهُ عَلَى
الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ

Terjemahan: "Dialah yang telah mengutus RasulNya (Muhammad) dengan membawa petunjuk dan agama yang benar (agama Islam), untuk dimenangkan dan ditinggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya."

Surah al-Tawbah 9:33

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa hukum fiqh memberikan perhatian yang mendalam terhadap isu ini demi menjaga kesucian akidah, maruah serta jati diri umat Islam. Pada masa yang sama, Islam juga

al-'Azīz Āl al-Shaykh (al-Riyadh: Dār al-Salām, 2000), no. hadith 4031.

⁴⁵ Al-Khatīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj*, 1: 424.

⁴⁶ Seperti mana yang diriwayatkan daripada Umar R.A berkata: "Janganlah kalian menemui orang-orang musyrik di gereja-gereja (tempat ibadah) mereka pada hari raya mereka, kerana kemurkaan (Allah) turun kepada mereka." al-Bayhaqī, *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, ed. Maḥmūd Maṭraḥī (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 9:234.

⁴⁷ Muhammad Nidzam Abd. Kadir, *Fiqah Berintrekaasi dengan Non-Muslim* (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2009), 6.

menuntut agar masyarakat bukan Islam yang hidup bersama dalam satu masyarakat majmuk disantuni dengan hikmah dan adab yang sesuai. Seperti yang diketahui, Malaysia menempatkan peranan undang-undang dalam kerangka kehidupan masyarakat yang berbilang etnik dan agama. Maka, isu berkaitan kunjungan ke rumah ibadat bukan Islam wajar diteliti bukan sahaja dari sudut akidah dan fiqh, malah turut melibatkan konteks undang-undang di Malaysia seperti yang akan dihuraikan dalam perbincangan selanjutnya.

Analisis Kunjungan Rumah Ibadat Bukan Islam Menurut Konteks Undang-undang di Malaysia

Perlembagaan Persekutuan Malaysia adalah undang-undang tertinggi yang mengawal segala aspek kehidupan rakyat Malaysia, termasuk perlindungan hak asasi manusia. Hak-hak asasi ini dijamin di bawah Bahagian II Perlembagaan, yang merangkumi kebebasan diri dan kebebasan bergerak sebagai dua hak yang penting. Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan diri setiap individu di Malaysia dengan tegas. Ia menyatakan bahawa "Tiada seseorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali menurut undang-undang". Ini bermakna, sebarang tindakan untuk menghapuskan kebebasan seseorang, termasuk penahanan atau pemenjaraan, mestilah dilakukan berdasarkan undang-undang yang sah dan tertulis.

Perkara ini melindungi individu daripada penahanan atau pemenjaraan tanpa sebab yang sah, atau tanpa proses undang-undang yang sewajarnya, sekaligus memastikan bahawa setiap orang diperlakukan dengan adil dalam sistem perundangan negara. Sebagai contoh, dalam kes *Tan Tek Seng v Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor* (1996), Mahkamah Rayuan menegaskan bahawa kebebasan diri bukan sahaja merujuk kepada kebebasan fizikal tetapi juga merangkumi hak untuk hidup dengan bermaruah. Ini menunjukkan bahawa Perkara 5 bukan

sahaja melindungi hak untuk bebas dari penahanan yang tidak sah, tetapi juga hak-hak lain yang berkait dengan kualiti kehidupan.⁴⁸

Perkara 9⁴⁹ pula menggariskan hak setiap warganegara Malaysia untuk bebas bergerak tanpa sekatan, kecuali jika terdapat alasan yang sah di sisi undang-undang. Perkara ini menyatakan, "Tiada seorang warganegara pun boleh dibuang negeri atau ditahan masuk ke dalam persekutuan". Kebebasan bergerak ini adalah hak yang penting, terutama dalam konteks persekutuan Malaysia yang terdiri daripada pelbagai negeri. Namun begitu, hak ini tidak bersifat mutlak. Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa untuk mengehadkan kebebasan bergerak demi keselamatan negara atau atas sebab-sebab lain yang dibenarkan oleh undang-undang. Misalnya, dalam keadaan darurat atau untuk mencegah tindakan yang boleh menjejaskan keselamatan negara, kerajaan boleh mengenakan perintah larangan atau penahanan terhadap individu tertentu. Selain itu, Sabah dan Sarawak mempunyai hak istimewa di bawah Perkara 9.

Walaupun Perlembagaan memperuntukkan hak asasi ini, ia juga memberikan kerajaan kuasa untuk mengenakan sekatan apabila perlu, terutamanya jika keselamatan dan kedaulatan negara terancam. Contohnya, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 yang kini telah dimansuhkan, dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) yang menggantikannya, memberikan kuasa kepada kerajaan untuk menahan individu tanpa perbicaraan jika disyaki terlibat dalam

⁴⁸ Tan Tek Seng v Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Another [1996] 1 MLJ 261, [https://lpr.adb.org/sites/default/files/resource/717/malaysia-tan-tek-seng-vs.-suruhanjaya-perkhidmatan-pendidikan-26amp%3Bamp%3Bamp%3Bamp%3Bamp%3B-anor.pdf](https://lpr.adb.org/sites/default/files/resource/717/malaysia-tan-tek-seng-vs.-suruhanjaya-perkhidmatan-pendidikan-26amp%3Bamp%3Bamp%3Bamp%3Bamp%3Bamp%3B-anor.pdf)

⁴⁹ Perlembagaan Persekutuan, Cetakan Semula 2020, <https://lom.agc.gov.my/federal-constitution.php>

aktiviti yang mengancam keselamatan negara. Dalam kes *Public Prosecutor v Khairuddin Abu Hassan* (2017), mahkamah mengesahkan bahawa kerajaan mempunyai kuasa untuk mengambil langkah-langkah yang dianggap perlu demi mengekalkan keselamatan negara, termasuk menggunakan peruntukan dalam SOSMA.⁵⁰

Setiap warganegara juga diberikan hak untuk menyuarakan pendapat,⁵¹ berhimpun dengan aman,⁵² menubuhkan persatuan,⁵³ serta memiliki harta.⁵⁴ Peruntukan-peruntukan ini memainkan peranan penting dalam membentuk amalan demokrasi yang menjadi asas kepada sistem pemerintahan di Malaysia. Selain itu, kebebasan beragama adalah salah satu hak asasi yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia.⁵⁵ Walaupun terdapat batasan-batasan tertentu, kerangka perundangan di Malaysia tetap menekankan pentingnya menghormati hak individu dalam menganut dan mengamalkan agama masing-masing seperti yang termaktub dalam Perkara 3(1).

Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Ini bermakna, walaupun Islam diiktiraf sebagai agama rasmi, kebebasan beragama bagi penganut agama lain adalah dilindungi. Pengiktirafan ini menunjukkan kedudukan istimewa Islam dalam negara, tetapi pada masa yang sama menegaskan bahawa agama-agama lain juga mempunyai hak untuk diamalkan secara bebas.

⁵⁰ *Public Prosecutor v Khairuddin Abu Hassan* [2017] MLJU 188

⁵¹ Perkara 10 Fasal 1(a) Perlembagaan Persekutuan

⁵² Perkara 10 Fasal 1(b) Perlembagaan Persekutuan

⁵³ Perkara 10 Fasal 1(c) Perlembagaan Persekutuan

⁵⁴ Perkara 13 Fasal 1 Perlembagaan Persekutuan

⁵⁵ Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan; Mohd Azam, A. B. et al., "Trend Penerbitan Kajian Hak Kebebasan Beragama di Malaysia: Sebuah Kajian Bibliometrik," *Sains Insani* 9(1) (2024), 7-13.

Walau bagaimanapun, kebebasan ini tertakluk kepada Perkara 11 dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjadi asas utama yang menjamin kebebasan beragama bagi semua individu di Malaysia, meliputi beberapa aspek penting yang memperkukuh hak ini. Perkara 11(1) memberikan setiap individu kebebasan untuk menganut dan mengamalkan agama pilihan mereka, termasuk hak untuk menjalankan ibadat dan amalan agama tanpa gangguan. Selain itu, Perkara 11(3) mengiktiraf hak kumpulan agama untuk menubuhkan dan menyenggara institusi-institusi agama serta amal jariah, termasuk pengurusan harta dan penubuhan tempat-tempat ibadat. Walau bagaimanapun, Perkara 11(4) memberikan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk menggubal undang-undang yang mengawal atau menyekat pengembangan ajaran agama kepada orang Islam, bertujuan melindungi akidah umat Islam dari pengaruh agama lain.

Kes-kes seperti Menteri Dalam Negeri v. Jamaluddin Othman (1989) dan Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (2007) menonjolkan bagaimana kebebasan beragama ini dilaksanakan, terutamanya dalam konteks umat Islam yang tertakluk kepada undang-undang syariah negeri. Mahkamah Persekutuan dalam kes Lina Joy, misalnya, memutuskan bahawa proses keluar dari agama Islam perlu melalui Mahkamah Syariah, menunjukkan bahawa kebebasan beragama bagi orang Islam mempunyai batasan tertentu yang ditentukan oleh undang-undang syariah. Kesimpulannya, walaupun Perkara 11 menjamin kebebasan beragama, pelaksanaannya di Malaysia diimbangi dengan peruntukan yang melindungi kepentingan agama Islam, selaras dengan kedudukan agama ini sebagai agama Persekutuan.

Sehubungan itu, walaupun kunjungan ke rumah ibadat bukan Islam boleh dibenarkan dari segi Perlembagaan, namun perlu dilakukan dengan berhati-hati untuk

memastikan ia tidak melibatkan pengembangan ajaran agama lain kepada umat Islam dan bagi Muslim ianya hendaklah tertakluk kepada hukum syarak. Kebebasan beragama di Malaysia adalah hak yang dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan, dengan beberapa batasan yang dikenakan demi ketenteraman awam dan kepentingan negara. Kerangka perundangan ini mencerminkan usaha untuk menyeimbangkan hak individu dengan kepentingan umum, serta menghormati kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan sambil memberikan ruang bagi agama-agama lain untuk diamalkan dengan aman.

Selain Perlembagaan, kedudukan kunjungan rumah ibadat bukan Islam juga tertakluk kepada undang-undang syariah dan fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama di Malaysia. Setiap negeri di Malaysia mempunyai Majlis Agama Islam dan Mahkamah Syariah masing-masing yang mempunyai bidang kuasa dalam hal-hal berkaitan amalan agama Islam. Fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama boleh mempengaruhi pandangan umat Islam terhadap kunjungan ke rumah ibadat bukan Islam. Seperti yang dinyatakan dalam perbincangan sebelum ini, beberapa negeri mempunyai fatwa yang membatasi atau melarang umat Islam daripada melawat rumah ibadat agama lain, dan ia bergantung kepada konteks dan tujuan kunjungan tersebut.

Oleh itu dalam konteks perundangan di Malaysia, walaupun tidak terdapat mana-mana peruntukan undang-undang yang memperuntukkan sama ada suruhan mahupun larangan secara khusus namun, kunjungan ke rumah ibadat bukan Islam oleh umat Islam di Malaysia biasanya dilihat dalam konteks keharmonian antara agama dan perpaduan nasional. Aktiviti-aktiviti seperti lawatan muhibah, dialog antara agama, dan program *interfaith* sering dianjurkan untuk mempromosikan pemahaman dan toleransi antara pelbagai agama. Namun, aktiviti-aktiviti ini perlu dilaksanakan dengan mengambil kira soal sensitiviti antara

agama yang berbeza. Perkara yang paling penting adalah memastikan konflik atau pertikaian tidak berlaku, kerana ia merupakan sifat semula jadi manusia.⁵⁶ Kepelbagaian agama seharusnya dihormati dan diraikan sebagai sebahagian daripada kekayaan masyarakat, bukannya dijadikan punca kepada konflik atau persengketaan. Meskipun kebebasan beragama diakui dan dihormati dalam negara, umat Islam tetap perlu berhati-hati dalam mengamalkan kebebasan ini agar pelaksanaannya selaras dengan hukum syarak serta berpandukan fatwa yang berkuat kuasa dan wajib dipatuhi.

Berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan, dapat difahami bahawa amalan kunjungan ke rumah ibadat bukan Islam hendaklah dilaksanakan dengan penuh kewaspadaan dan kepekaan. Hal ini penting demi memelihara keharmonian hubungan antara penganut pelbagai agama, di samping memastikan setiap individu beragama terus memelihara keutuhan identiti kepercayaan dan kesucian akidah masing-masing tanpa mengorbankan prinsip atau mencemarkan imej agama yang telah dijaga sekian lama. Namun bagaimanakah aspek kepekaan ini dapat dilaksanakan dalam konteks latar pengamalannya di Malaysia? Perbincangan berikutnya mengemukakan garis panduan umum berkenaan kunjungan rumah ibadat bukan Islam.

Cadangan Panduan Umum dan Garis Panduan Khusus Kunjungan ke Rumah Ibadat bukan Islam

Cadangan ini merupakan rumusan dari perbincangan antara disiplin iaitu akidah, perbandingan agama, kajian agama, fiqh dan undang-undang. Ia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu panduan secara umum dan garis panduan

⁵⁶ Hadenan Towpek et al., "Amalan Pengurusan Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah", *Journal of Shariah Law Research* 8(1) (2023), 1.

khusus untuk rumah-rumah ibadat bukan Islam yang berbeza.

1. Panduan Umum:

- i. Objektif yang jelas: Pihak penganjur program perlu memahami dengan jelas objektif praktikal kunjungan supaya matlamat mencapai kefahaman dan keharmonian dapat dicapai tanpa menimbulkan risiko kepada pegangan dan kefahaman peserta. Risiko ini termasuk kekeliruan mengenai hakikat dan makna kebenaran, terpesona dengan amalan tertentu agama lain, atau terpengaruh oleh nilai-nilai yang kelihatan sejagat tetapi tidak selaras dengan nilai universal Islam. Keprihatinan ini terutama penting bagi peserta yang bukan pelajar atau penyelidik ilmu Perbandingan Agama. Malah, apabila kunjungan melibatkan gabungan peserta Muslim dan bukan Muslim, penganjur akan menghadapi cabaran tambahan dalam membuat pertimbangan yang tepat dan wajar.
- ii. Mengutamakan prinsip *sadd al-dharā'i'*: Sebarang amalan yang berisiko mengelirukan Muslim, seperti membawa orang awam, pelajar sekolah rendah atau menengah yang belum matang ke rumah ibadah bukan Islam tanpa bimbingan, adalah tidak sesuai dan boleh membawa kepada fitnah akidah. Dalam hal ini, prinsip *sadd al-dharā'i'* (menutup jalan kepada kemungkaran) perlu diaplikasikan. Maka, sebarang bentuk lawatan mesti dihadirkan dengan tujuan dan panduan yang jelas, dihindari daripada penyertaan dalam ritual dan dipimpin oleh ilmuwan yang mampu membimbing secara kritikal dan terbimbing.
- iii. Kunjungan atas keperluan: Umat Islam adalah dilarang untuk mengunjungi rumah ibadat bukan

Islam sekiranya kunjungan tersebut dijadikan sebagai suatu kebiasaan harian atau mingguan. Tindakan ini boleh membawa kepada unsur pengagungan terhadap rumah ibadat tersebut secara tidak langsung. Larangan ini berasaskan kaedah *sadd al-dharā'i'*, iaitu prinsip menutup jalan-jalan yang boleh membawa kepada kemudaratatan atau kerosakan akidah. Dalil bagi larangan ini boleh dilihat dalam firman Allah SWT dalam Surah Taha, ayat 91, melalui penggunaan lafaz *'ākifīn* (عَاكِفِينَ) yang membawa maksud menetap atau melazimi sesuatu tempat. Dalam konteks ini, ia memberi isyarat bahawa perbuatan yang berterusan dan berulang-ulang terhadap sesuatu tempat ibadat bukan Islam boleh membawa kepada penyerupaan atau kecenderungan hati terhadap unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah Islam.

- iv. Peserta yang memiliki persediaan ilmu: Peserta untuk aktiviti ini hendaklah terdiri daripada individu yang memiliki kefahaman akidah yang kukuh serta telah membudayakan ilmu perbandingan agama secara mendalam. Peserta juga harus mendapat pendedahan secara teori dan praktikal terlebih dahulu berkaitan agama rumah ibadat yang akan dikunjungi. Kunjungan tanpa ilmu dan persiapan yang memadai berpotensi menimbulkan masalah yang tidak diinginkan dan bertentangan dengan tujuan kunjungan tersebut. Oleh itu, peserta wajib memiliki pengetahuan yang menyeluruh dalam bidang akidah, fiqh, perbandingan agama, kajian agama, serta ilmu akhlak bagi memastikan kunjungan dapat dijalankan dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab.

- v. Panduan oleh pengiring pakar: Kunjungan hendaklah dilaksanakan dengan penglibatan pengiring yang terdiri daripada pakar dalam bidang akidah, fiqh dan ilmu perbandingan agama. Penglibatan ini penting bagi memastikan panduan yang tepat dan berautoriti dapat diberikan berkaitan adab, batasan syarak, serta etika interaksi sepanjang lawatan berlangsung. Hal ini kerana, sepanjang kunjungan, terdapat potensi timbulnya situasi yang boleh mengelirukan atau menimbulkan salah faham terhadap konsep akidah, seperti ajakan untuk menyamaratakan semua agama dan konsep ketuhanan, tanggapan pluralisme agama yang menyatakan semua agama adalah benar, serta penjelasan yang bersifat kabur atau bersifat sinkretik yang sukar difahami oleh peserta Muslim. Di samping itu, tidak dinafikan bahawa sesetengah pengelola rumah ibadat mungkin menjemput pelawat untuk mencuba gerakan atau amalan tertentu dalam ritual keagamaan mereka atas nama empati dan pengalaman budaya, tanpa menyedari sensitiviti dan batasan syarak bagi umat Islam. Maka, kehadiran pakar pengiring amat diperlukan bagi membimbing peserta, menjelaskan konteks dengan betul, serta mengawal sebarang bentuk penyertaan yang bertentangan dengan prinsip akidah dan syariah Islam agar kunjungan yang diadakan tidak menjejaskan pegangan keagamaan peserta.
- vi. Mengutamakan ketetapan syarak: Sepanjang kunjungan yang dibuat, umat Islam tidak dibenarkan ikut serta melakukan gerakan atau amalan tertentu dalam upacara keagamaan yang bertentangan dengan akidah Islam seperti meditasi, melempar bunga atau air jampi, membaca mantera, bergambar dengan patung-patung suci, mencucuk

colok, menyalakan lilin khas, berarak di jalan bersama kelompok penganut agama dan lain-lain yang berkaitan dengan ritual keagamaan bukan Islam. Selain ritual, pengunjung juga tidak dibenarkan memakai pakaian khusus keagamaan yang memiliki lambang atau simbol agama. Begitu juga tidak dibenarkan melakukan perbuatan yang mengagungkan atau menunjukkan kemesraan terhadap berhala atau sesuatu objek yang disucikan seperti menundukkan kepala, membuat isyarat tangan tanda sembah hormat, melakukan tabik hormat dan sebagainya. Ketetapan ini juga terpakai untuk kunjungan atas dasar jemputan sewaktu upacara rasmi seperti perkahwinan atau pengebumian.

- vii. Adab dan larangan tertentu: Sepanjang kunjungan ke rumah ibadat bukan Islam, terdapat beberapa adab dan larangan khusus yang wajar diberi perhatian serius demi menjaga sensitiviti penganut agama lain serta memastikan keharmonian antara komuniti beragama. Antara larangan yang perlu dipatuhi termasuklah tidak mengambil gambar atau menyentuh patung-patung yang dianggap suci, khususnya di rumah ibadat tertentu yang menekankan kesucian simbol tersebut. Selain itu, kunjungan hendaklah berlangsung dalam suasana tertib dengan mengelakkan bunyi bising atau sebarang tingkah laku yang boleh mengganggu suasana ibadah. Aspek penampilan juga penting, di mana pengunjung perlu mematuhi etika pemakaian yang sopan serta memastikan kebersihan diri. Dalam sesi dialog atau interaksi bersama penganut agama lain, elakkan daripada mengemukakan soalan atau kenyataan yang bersifat provokatif, menyindir, atau boleh dianggap meremehkan kepercayaan pihak lain. Semua ini adalah demi

memelihara nilai saling menghormati, mengukuhkan persefahaman antara agama, dan memperlihatkan keperibadian luhur umat Islam dalam interaksi antara budaya dan agama.

- viii. Penjelasan Pasca Kunjungan: Setelah selesai kunjungan ke rumah ibadat bukan Islam, adalah penting untuk diadakan sesi penjelasan semula (*debriefing*) kepada para peserta. Tujuannya ialah untuk menyelaraskan dan mengukuhkan kefahaman mereka terhadap maklumat dan pengalaman yang diperoleh sepanjang lawatan, di samping memastikan tiada berlaku kekeliruan atau kecelaruan yang boleh menjejaskan pegangan akidah dan jati diri sebagai Muslim. Penjelasan ini juga berperanan memperjelaskan aspek-aspek berkaitan hukum syarak, batas-batas interaksi, serta pemaknaan sebenar terhadap nilai toleransi dalam Islam agar selari dengan prinsip menjaga kesucian agama dan identiti umat. Sesi ini wajar dipandu oleh pihak berautoriti dalam bidang akidah dan fiqh agar pencerahan yang diberikan bersifat tepat, seimbang dan membina.

Panduan ini turut merangkumi pelbagai bentuk kunjungan lain ke rumah ibadat bukan Islam, seperti menghadiri jemputan rasmi kepada pemimpin beragama Islam, menghadiri majlis perkahwinan atau pengebumian yang diadakan di premis ibadat bukan Islam, serta penyertaan dalam upacara tertentu yang melibatkan hubungan sosial atau kekeluargaan. Selain itu, ia juga merangkumi penglibatan dalam program kebajikan atau bantuan kemanusiaan yang dianjurkan oleh institusi bukan Islam dan berpusat di rumah ibadat mereka. Segala bentuk kunjungan ini hendaklah ditimbang secara berhati-hati agar tidak menjejaskan prinsip akidah dan syiar Islam, selari dengan batasan yang digariskan oleh syariah.

Rajah 2:

Prinsip Kunjungan Rumah Ibadat

Toleransi dan Keadilan

Mengalakkan menghormati hak orang lain tanpa mengkompromikan kepercayaan sendiri.



Prinsip Akidah

Menekankan kepentingan mengekalkan akidah Islam semasa berinteraksi dengan agama lain.



Penyelidikan Ilmiah

Membenarkan kunjungan untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan.



Dialog dan Diplomasi

Mengalakkan interaksi yang menghormati dan bermaklumat dengan agama lain.



Rajah 3:

Garis Panduan Kunjungan Rumah Ibadat Bukan Islam

Objektif yang Jelas

Memastikan tujuan kunjungan difahami dengan baik

Prinsip Sadd al-Dhara'i

Mencegah tindakan yang boleh mengelirukan Muslim

Kunjungan atas Keperluan

Memiliki tujuan yang jelas dan penting

Peserta yang Bersedia

Memerlukan pengetahuan dan persiapan yang mencukupi



Panduan Pakar

Menyediakan bimbingan oleh pakar agama

Kepatuhan Syariah

Mematuhi hukum hakam Islam semasa kunjungan

Adab dan Larangan

Menghormati sensitiviti agama lain

Penjelasan Pasca Kunjungan

Menguatkan pemahaman dan mengelakkan kekeliruan

2. Garis Panduan Khusus

Berikut pula ialah garis panduan membabitkan syarat dan tatacara kunjungan di tempat ibadat secara khusus:

- i. Garis panduan memasuki Gurdwara:
 - a. Diharuskan membasuh tangan dan kaki atas dasar menghormati etika kebersihan yang ditetapkan.
 - b. Diharuskan memakai penutup kepala (songkok, kopiah, kain dan lain-lain yang bukan simbol agama) atas dasar menghormati etika pakaian yang ditetapkan.
 - c. Diharamkan menyertai mana-mana bahagian dalam upacara keagamaan seperti berdiri, tunduk, menyentuh kitab suci Guru Granth Sahib atau menyertai nyanyian *kirtan* kerana ia merupakan bentuk penghormatan ibadah.
 - d. Diharamkan memakai kain penutup kepala yang memiliki lambang agama Sikh (*khanda*).
 - e. Diharuskan memakan makanan yang memiliki ciri halal dan tayyiban yang disediakan di Gurdwara.
 - f. Diharamkan mengambil atau memakan manisan (*karah prashad*) selepas upacara keagamaan kerana ia memiliki unsur tasyabbuh.
- ii. Garis panduan memasuki Gereja:
 - a. Menjaga batas pergaulan dan tempat duduk, khususnya jika terdapat pemisahan antara ruang jemaah lelaki dan wanita di gereja tertentu. Umat Islam tidak boleh duduk di tempat khas paderi, altar, atau tempat yang dikhususkan untuk upacara suci gereja
 - b. Diharamkan menundukkan kepala, mengangguk hormat, melutut ke arah salib, patung dan gambar tokoh keagamaan mereka.

- c. Diharamkan membuat isyarat salib di anggota badan ketika masuk ke dalam Gereja.
 - d. Diharamkan berdiri hormat untuk upacara keagamaan seperti bacaan doa atau nyanyian Carol, begitu juga mengangkat tangan dan mengaminkan doa.
 - e. Diharamkan menyertai nyanyian lagu puji-pujian (*hymn* atau *carol*).
- iii. Garis panduan memasuki Tokong Buddha atau Wat:
- a. Diharuskan mematuhi etika pemakaian seperti memakai baju berlengan, panjang seluar melebihi paras lutut dan membuka penutup kepala.
 - b. Diharuskan mematuhi etika kebersihan seperti menanggalkan kasut ketika memasukinya.
 - c. Diharamkan memberikan makanan atau minuman di altar.
 - d. Diharamkan melakukan segala bentuk permohonan hajat atau penyembahan seperti mencucuk colok di pasu, melekatkan kertas emas pada patung, menyalakan lilin permohonan hajat, mendukung mengusap atau membongkok hormat kepada patung dan sebagainya.
 - e. Diharamkan mengikuti bacaan mantera atau duduk dalam posisi bertafakur atau bermeditasi bersama sami.
 - f. Diharamkan tunduk, mencium tangan atau menerima benang suci dan air jampi daripada sami.
 - g. Elakkan memberi derma atau sumbangan ke dalam tabung yang disediakan di tokong sekalipun untuk urusan bantuan kemanusiaan kerana boleh menimbulkan syubhah atau

persepsi salah. Salurkan sumbangan melalui saluran alternatif.

iv. Garis panduan memasuki Tokong Tao:

- a. Diharamkan memberikan makanan, minuman atau bahan lain di altar.
- b. Diharamkan melakukan segala bentuk permohonan hajat atau penyembahan seperti mencucuk colok di pasu, menyalakan lilin, melekatkan jampi atau kertas hajat, dan membakar kertas wang atau jampi.
- c. Diharamkan melakukan segala bentuk permohonan hajat atau penyembahan kepada patung atau altar.

v. Garis panduan memasuki Kuil Hindu:

- a. Diharuskan menerima kalungan bunga malai dan kain selendang (*ponadeh*) kerana amalan tersebut adalah bersifat adat sebagai menghormati kunjungan pemimpin atau tetamu. Penerimaan adalah semata-mata atas dasar budaya dan bukan kepercayaan.
- b. Diharamkan berdiri di depan patung sembahana dewa dewi pada anak tangga tertentu dengan tujuan penghormatan.
- c. Diharamkan menundukkan kepala, mengganggu hormat, melutut ke patung, menyentuh dahi ke lantai di hadapan patung dan isyarat tangan menyembah patung.
- d. Diharamkan mencalit serbuk putih (*vibudi*), merah (*kumkum*) atau sebarang bahan ke dahi atau badan yang merupakan simbol keberkatan atau penyertaan dalam ritual sembahana.
- e. Diharamkan mengelilingi patung-patung sembahana atau dewa dewi.
- f. Diharamkan menyertai apa-apa upacara seperti *aarti* (persembahan nyalaan api), *puja*

(pemujaan), *prasadam* (pemberian makanan suci), atau pembacaan mantra.

Kesimpulan

Walaupun pendekatan dan kaedah dalam disiplin Ilmu Perbandingan Agama terbukti berkesan dalam memupuk persefahaman antara agama, pelaksanaan aktiviti kunjungan ke rumah ibadat bukan Muslim di Malaysia memerlukan penelitian semula daripada sudut kajian agama, fiqh dan undang-undang. Hal ini disebabkan oleh perbezaan konteks agama, budaya, sejarah dan sosio-politik antara masyarakat plural di Barat dan realiti masyarakat majmuk di Malaysia. Faktor kecelikan ilmu dalam kalangan masyarakat awam, khususnya berkaitan akidah, fiqh dan disiplin perbandingan agama, turut menjadi pertimbangan penting. Amalan kunjungan ke rumah ibadat bukan Muslim yang lazimnya dilaksanakan dalam konteks pengajian formal perlu dibezakan dengan aktiviti masyarakat awam yang mungkin tidak memiliki kefahaman mencukupi. Tanpa bimbingan pakar, kunjungan ini boleh menimbulkan kekeliruan akidah, salah faham terhadap agama lain, atau menyentuh sensitiviti pihak rumah ibadat.

Oleh itu, sebarang program kunjungan memerlukan panduan jelas, kepakaran yang berkeelayakan dan pendekatan yang berhati-hati. Isu ini wajar ditangani bukan sahaja dari sudut hukum dan perundangan, tetapi juga berdasarkan masalah besar iaitu pemeliharaan akidah Muslim dan penyampaian mesej Islam secara berhemah kepada bukan Muslim. Keterlibatan ilmu seperti *Fiqh al-Ta'āyush*, *Fiqh al-Wāqī'*, dan Dialog Antara Agama amat penting agar persefahaman dapat dibina tanpa menjejaskan prinsip agama. Usaha membina keharmonian antara Muslim dan bukan Muslim di Malaysia perlu diteruskan secara terancang dan matang. Dalam konteks ini, disarankan agar pihak berautoriti agama di peringkat negeri dan persekutuan mengadakan muzakarah bersepadu dengan pelbagai pihak bagi merangka garis panduan

nasional yang komprehensif. Langkah awal yang diambil oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui kajian dan penerbitan *Garis Panduan Masyarakat Muslim Meraikan Perayaan Bukan Muslim dan Mengunjungi Jenazah Bukan Muslim* adalah contoh inisiatif yang wajar dicontohi. Namun demikian, pelaksanaan garis panduan ini masih tertakluk kepada kuasa agama negeri masing-masing. Maka, satu inisiatif penyelarasan nasional adalah sangat digalakkan agar garis panduan yang disediakan dapat difahami, dihayati dan dilaksanakan oleh seluruh masyarakat secara konsisten dan berhemah.

Penghargaan

Makalah ini merupakan dapatan kajian dari geran penyelidikan Universiti Malaya Global Transformation Research Grant Scheme (UMGTRG005-2024). Penulis merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada Universiti Malaya atas penganugerahan dana penyelidikan ini.

Rujukan

- Abd. Kadir, Muhammad Nidzam. *Fiqah Berintreikasi dengan Non-Muslim*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2009.
- Abdullah, Abdul Rahman. *Wacana Falsafah Sejarah: Perspektif Barat dan Timur*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2000.
- Al-‘Aynī, Badr al-Dīn Abū Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad. *‘Umdah al-Qarī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Bīrūnī, Abū al-Rayḥān Muḥammad bin Aḥmad. *Taḥqīq mā li al-Hind min Maqūlah Maqbūlah fī al-‘Aql aw Mardhūlah*. Beirut: Dār al-Jīl, 1993.
- Hadenan Towpek, Ahmad Shah Affandie & Zaenudin Hudi Prasojo. "Amalan Pengurusan Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah", *Journal of Shariah Law Research* 8(1) (2023): 1-32.

- Hick, John. *John Hick: An Autobiography*. Oxford: Oneworld, 2005.
- Ibn Ḥazm al-Zāhīrī, Abū Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad. *Al-Faṣl fī al-Mīlal wa al-Aḥwā’ wa al-Nīḥal*, eds. Muḥammad Ibrāhīm Naṣr & ‘Abd al-Raḥmān ‘Umayrah. Beirut: Dār al-Jīl, 1996.
- Ibn Rabban, Abū al-Ḥassan ‘Alī bin Sahl al-Ṭabarī. *Al-Radd ‘alā Aṣnāf al-Naṣārā*, ed. Khālid Muḥammad ‘Abduh. Al-Jizah: Maktabah al-Nāfiḍah, 2005.
- Ibrahim, Haslina. "In Defence of Religious Truth: The Crisis of Intellectual Veracity in the Study of Religion." Dalam *Kalam and Its Relevance in Muslim Scholarship of Religion: An Integrated Approach*, ed. Haslina Ibrahim. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press, 2023.
- Ibrahim, Haslina. "The Crisis of Intellectual Veracity in the Study of Religions." *Proceedings of the Asia International Multidisciplinary Conference (AIMC 2017)*, 01-02 Mei, 2017, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bharu, Malaysia: 739-749.
- Al-Karmāni, Muḥammad bin Yūsuf. *Kawākib al-Durarī fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1981.
- Al-Khaṭīb al-Sharbīnī, Sham al-Dīn. *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma’rifat Ma’ānī Alfāz al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994.
- Al-Maqdisī, Muḥammad bin Mufliḥ. *Al-Adab al-Shar‘iyyah*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2005.
- Al-Māturīdī, Abū Maṣṣūr Muḥammad bin Muḥammad bin Maḥmūd. *Kitāb al-Tawḥīd*, ed. Bekir Topaloğlu & Muhammad Aruçi. Beirut-Istanbul: Dar Ṣādir-Maktabah al-Irshād, 2001.
- Mohd Azam, A. B., K. A. Abd Rahman, K. Muda, A. H. Mohad, A. Sulaiman & S. S. Darshan Singh. "Trend Penerbitan Kajian Hak Kebebasan Beragama di

Malaysia: Sebuah Kajian Bibliometrik." *Sains Insani* 9(1) (2024): 7-13.

Mohd Khambali @ Hambali, Khadijah, Suraya Sintang, Azmil Zainal Abidin. "Dialog antara Agama dalam Konteks Ilmu Perbandingan Agama Menurut Perspektif Islam." *TAFHIM: Journal of Islam and Contemporary World* 6 (2013): 83-120.

Mohd Khambali @ Hambali, Khadijah. "Islam Agama Rahmah dan Toleransi Beragama: Realiti dan Cabaran." Dalam *Isu dan Cabaran Hubungan Antara Agama di Malaysia*, eds. Khadijah Mohd Khambali @ Hambali et al. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.

Mohd Khambali @ Hambali, Khadijah. "Kepelbagaian & Kesatuan Dalam Konteks *Fiqh al-Ta'ayush*." *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 22(1) (2020): 73-102.

Muhammad 'Abd Allāh al-Sharqāwī. "Manāhij Muqāranāt al-Adyān fī Fikr al-Islām." Dalam *al-Mu'tamar al-Dawlī al-Awwal li al-Falsafah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Jāmi'ah al-Qāhirah, 1996.

Müller, F. Max. *Introduction to the Science of Religion: Four Lectures (Delivered at the Royal Institution, in February and May, 1870)*. Boston: Adamant Media Corp., 2005.

Perlembagaan Persekutuan, Cetakan Semula 2020, <https://lom.agc.gov.my/federal-constitution.php>

Senin, Nurhanisah, Fadila Grine, Wan Adli Wan Ramli, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Siti Fairuz Ramlan. "Understanding the 'Other': A Case of al-Biruni (973-1048AD)." *International Journal of Ethics and System* 35(1) (2019): 392-408.

Al-Shahrastānī, Muhammad bin 'Abd al-Karīm. *Al-Milal wa al-Niḥal*. Beirut: Dār al-Surūr, 1970.

Al-Subkī, Maḥmud Muḥammad Khaṭṭab. *Al-Dīn al-Khālīṣ aw Irshād al-Khalq ilā Dīn al-Khālīq*. t.tp.: al-Maktabah al-Maḥmūdiyyah al-Subkiyyah, 1977.

- Waardenburg, Jean Jacques. *Muslim Perceptions of Other Religions: A Historical Survey*. New York: Oxford University Press, 1999.
- Waardenburg, Jean Jacques. *Reflections on the Study of Religion: Including an Essay on the Work of Gerardus van Der Leeuw*. Berlin: De Gruyter Mouton, 2011.
- Zainal Abidin, Azmil. "Fenomena Kerencaman Agama dan Alternatif Usuluddin Terhadap Pendekatan Dialog antara Agama." Dalam *Konsep Asas Islam dan Hubungan antara Agama*, ed. Wan Suhaimi Wan Abdullah & Mohd Fauzi Hamat. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007.
- Al-Zuhaylī, Muḥammad. *Al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shafī'ī*. Damsyiq: Dār al-Qalām, 2021.
- "Al-Ṣalāh fī al-Kanā'is Jā'izah wa al-'Amal fihā Muḥarram," *Islamweb.net*, 20 Februari 2000, <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/3121/-/الصلاةفي-الكنائس-جائزة-والعمل>
- "Dukhūl Ma'ābid al-Kuffār li al-Mushāhadah wa al-Ittilā'," *Islamway.net*, 6 April 2012, <https://ar.islamway.net/fatwa/37101/-/دخول-معابد-الكفار-للمشاهدة-والاطلاع>
- "Ḥukm Dukhūl al-Kanā'is li al-Siyāḥah," *Islamweb.net*, 11 September 2001, <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/10237/-/حكم-دخول-الكنائس-السياحة>
- "Ḥukm Dukhūl al-Kanīсах wa al-Ṣalāh fihā li al-Mujāmalah," *Mawqī' al-Rasmī li al-Shaykh Ibn Bāz*, dicapai pada 23 Ogos 2024, <https://binbaz.org.sa/fatwas/23118/-/حكم-دخول-الكنيسة-والصلاة-فيها-للمجاملة>
- "Ḥukm Dukhūl al-Muslim li al-Kanīсах," *IslamQA.info*, 11 Januari 2008, <https://islamqa.info/ar/answers/111832/-/حكم-دخول-المسلم-للكنيسة>

- "Ḥukm Ziyārah Ma'bad al-Kuffār," *Islamweb.net*, 10 April 2004, <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/99921/-حكم-زيارة-معابد-الكفار>
- "Hukum Memasuki Rumah Ibadat Agama Lain dan Menghadiri Majelis Perkahwinan Orang Kristian di Gereja," Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 8 Oktober 2018, <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum-umum/2647-irsyad-fatwa-248-hukum-memasuki-rumah-ibadat-agama-lain-dan-menghadiri-majlis-perkahwinan-orang-kristian-di-gereja>
- "Hukum Muslim membersihkan rumah ibadat agama lain," Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 14 Januari 2022, <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/5095-al-kafi-1852-hukum-muslim-membersihkan-rumah-ibadat-agama-lain>
- "Hukum Orang Islam Memasuki Rumah Ibadat Bukan Islam," Jabatan Mufti Negeri Perlis, 22 Disember 2023, <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/850-hukum-orang-islam-memasuki-rumah-ibadah-bukan-islam>